Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 18 – 21 JUN 2021**

**BIL. 17 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 21 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 633,624** atau 90.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **62,918 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **4,611 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **701,019 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** atau **4,603 kes** daripada catatan harian dengan **80.0 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.2 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.3 peratus), Zon Selatan (17.6 peratus), Zon Utara (11.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.1 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **1,346 kes** disusuli Sarawak (682), Perak (453 kes), Negeri Sembilan (437 kes), Johor (314 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (310 kes). Sejumlah **4,477 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **69 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 20 Jun 2021 menunjukkan seramai **4,202,601** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **724,684** diikuti Selangor dengan 642,249. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (610,485), Johor (377,190), Sabah (323,350), Perak (277,987), Kedah (214,310), Pulau Pinang (207,284) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 187,594 dan 169,686. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **5,815,575 meliputi 4,202,601** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,612,974** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Tuntutan faedah pengangguran menunjukkan.** Tuntutan faedah pengangguran awalan meningkat pada minggu lalu walaupun pemulihan ekonomi berterusan di pasaran pekerjaan US. Labor Department

melaporkan permohonan faedah pengangguran untuk minggu yang berakhir pada 12 Jun berjumlah 412,000, berbanding dengan 375,000 minggu sebelumnya. Itu adalah jumlah tertinggi sejak 15 Mei 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan 360,000 tuntutan baharu untuk minggu lalu. Semua kenaikan pada dasarnya berasal dari Pennsylvania dan California dengan kenaikan 21,590, dan 15,712. (CNBC)

- US: **Indikator pelopor menunjukkan pemulihan ekonomi pada Mei 2021.** Aktiviti ekonomi US dijangka meningkat untuk bulan ketiga berturut-turut pada bulan Mei 2021, menunjukkan ekonomi terus pulih dari kemelesetan yang disebabkan oleh wabak COVID-19. Conference Board menyatakan indeks pelopor ekonomi meningkat 1.3% bulan lalu kepada 114.5. (Reuters)

- EU: **Output sektor pembinaan Zon Eropah merosot pada bulan April 2021.** Output sektor pembinaan turun -2.2% bulan ke bulan pada bulan April 2021, setelah meningkat 4.1% pada bulan Mac 2021. Pada bulan Februari, output pembinaan merosot -2.1%. Pengeluaran dalam pembinaan bangunan menurun -1.0% bulan ke bulan pada bulan April 2021 dan pengeluaran dalam kejuruteraan awam turun -6.1%. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, output sektor pembinaan meningkat 42.3% pada bulan April 2021, menyusuli kenaikan 20.0% pada bulan sebelumnya. Di EU27, output pembinaan turun -1.6% bulan ke bulan dan sebaliknya meningkat 32.7% secara tahunan. (RTT)

- EU: **Inflasi Zon Eropah melepasi sasaran untuk pertama kalinya sejak 2018.** Inflasi harga pengguna Zon Eropah melepasi sasaran bank pusat untuk pertama kalinya dalam lebih dari dua tahun pada bulan Mei. EUROSTAT melaporkan Inflasi harga pengguna meningkat kepada 2.0% daripada 1.6% pada bulan April 2021. ECB mensasarkan inflasi sekitar 2%. Kenaikan inflasi sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan harga tenaga sebanyak 13.1%. Harga makanan, alkohol dan tembakau meningkat 0.5% dan kos perkhidmatan meningkat 1.1%. (RTT)

- TAIWAN: **Bank pusat mengekalkan kadar pada tahap rendah.** Bank pusat Taiwan mengekalkan kadar faedah utamanya tidak berubah pada paras rendah, seperti yang dijangkakan. Kadar faedah kekal pada 1.125%. Oleh kerana harga minyak mentah yang lebih tinggi dan asas yang rendah, inflasi lebih tinggi pada separuh pertama tahun 2021. Walau bagaimanapun, inflasi dijangka perlahan pada separuh kedua tahun ini. Inflasi diunjurkan meningkat kepada 1.6% daripada 1.07%. Inflasi teras bertumbuh pada 1.11% berbanding 0.77% yang dianggarkan sebelumnya. (RTT)

- INDONESIA**: Bank Indonesia (BI) mengekalkan penanda aras kadar faedah kerana nilai matawang Rupiah yang rendah dan kebimbangan wabak COVID-19.** BI mengekalkan kadar faedahnya pada rekod terendah bagi memastikan dasar kewangan yang akomodatif di tengah-tengah kenaikan kes COVID-19 dan menjaga kestabilan matawang Rupiah. Kadar penanda aras pembelian semula 7-hari (*benchmark 7- day reverse repurchase rate*) kekal pada 3.50% untuk keempat kali berturut-turut, seperti yang dijangkakan. (Reuters)

- HONG KONG: **Kadar pengangguran perlahan sedikit pada bulan Mei 2021.** Census and Statistics Department melaporkan kadar pengangguran perlahan sedikit kepada 6.0% yang diselaraskan secara musim dalam tempoh tiga bulan hingga Mei 2021 dari 6.4% dalam tiga bulan hingga April 2021. Kadar pengangguran turun kepada 2.8% daripada 3.3% pada tempoh sebelumnya. (RTT)

- US: **Sektor kediaman mula pulih pada bulan Mei tetapi permit binaan merosot.** Setelah melaporkan penurunan mendadak dalam pembinaan kediaman baharu pada April 2021, statistik menunjukkan sektor ini mulai pulih pada bulan Mei 2021. Commerce Department melaporkan, binaan baharu kediaman melonjak 3.6% kepada kadar tahunan 1.57 juta pada bulan Mei 2021 setelah jatuh sebanyak -12.1% atau 1.52 juta pada bulan sebelumnya. (RTT)

- US: **Harga import meningkat pada bulan Mei 2021.** Harga import US meningkat lebih dari yang dijangkakan pada bulan Mei 2021 didorong oleh kenaikan kos produk petroleum dan *bottleneck* rantaian pembekalan yang menaikkan harga barangan lain. Harga import naik 1.1% bulan Mei 2021 setelah naik 0.8% pada bulan April 2021. Labor Department menyatakan bahawa perbandingan tahun ke tahun mencatatkan kenaikan 11.3%, kenaikan terbesar sejak September 2011. Harga import melonjak 10.8% tahun ke tahun pada bulan April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan harga import, yang tidak termasuk tarif hanya meningkat 0.8%. (Reuters)

- EU: **Ifo Institute menurunkan prospek pertumbuhan ekonomi Germany.** Ekonomi Germany dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan daripada yang diunjurkan sebelumnya tahun ini. Pertumbuhan yang lebih perlahan dijangkakan berdasarkan sesakan dalam penawaran produk perantaraan yang akan mempengaruhi prestasi sektor pembuatan. Ifo Institute mengunjurkan KDNK Germany bertumbuh

3.3% pada tahun 2021, turun dari pertumbuhan 3.7% yang dianggarkan pada sebelum ini. Walau bagaimanapun, unjuran untuk tahun depan meningkat kepada 4.3% daripada 3.2%. (RTT)

- UK: **Inflasi UK meningkat melepasi paras sasaran Bank of England (BOE).** Inflasi UK melonjak tanpa diduga melepasi sasaran BOE untuk pertama kalinya dalam hampir dua tahun, menaikkan kadar tukaran matawang *pound* sterling dan menambah spekulasi bahawa dasar kewangan akan diperketatkan. Office for National Statistic melaporkan Indeks Harga Pengguna UK meningkat 2.1% tahun ke tahun, tertinggi sejak Julai 2019. Penganalisis ekonomi dan BOE menjangkakan kenaikan hanya pada kadar 1.8%. Inflasi teras melonjak ke 2%, paling banyak sejak Ogos 2018. (Bloomberg)

- CHINA: **Data ekonomi yang mengecewakan akibat prestasi perbelanjaan pengguna yang rendah dari unjuran**. Data ekonomi utama China mencatatkan prestasi yang lebih rendah dari dijangkakan pada bulan Mei 2021. Output industri meningkat 8.8% pada bulan Mei 2021 tahun ke tahun, di bawah paras jangkaan 9.2%. Sementara itu, jualan runcit meningkat 12.4% berbanding unjuran 14%. Pelaburan aset tetap meningkat 15.4% pada lima bulan pertama tahun ini dari tempoh yang sama pada tahun 2020. Kadar pengangguran menurun kepada 5% pada bulan Mei daripada 5.1% pada bulan sebelumnya. (Bloomberg)

- JAPAN: **Pesanan jentera meningkat 0.6% pada bulan April 2021.** Nilai keseluruhan pesanan jentera di Japan meningkat 0.6% pada bulan April 2021 dengan jumlah sebanyak ¥802.9 bilion. Prestasi ini adalah lebih rendah dari jangkaan kenaikan 2.7% bulan ke bulan dan perlahan dari 3.7% pada bulan Mac 2021. Pada asas perbandingan tahunan, pesanan mesin teras meningkat 6.5% berbanding 8.0% yang diunjurkan. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** mengunjurkan jumlah pelaburan diluluskan meningkat lebih tinggi pada 2021 berbanding pada tahun lepas. Pada suku kedua 2021, hampir **RM100 bilion dijangka dicatatkan** bagi pelaburan yang diluluskan terutamanya dalam **Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan.**

2. **Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengunjurkan** bahawa pelaburan bagi **sektor pembuatan** akan berkurangan kepada **RM5 bilion pada tahun 2021** berbanding **RM14.1 bilion yang direkodkan pada 2020**. Jangkaan ini adalah berdasarkan norma baru perniagaan dalam situasi pandemik COVID-19 yang menyebabkan **pengurangan dan kelewatan pengeluaran teknologi terkini** seperti 5G dan kecerdasan buatan.

3. **Pertumbuhan ekonomi dijangka akan lebih baik** terutama dalam fasa ketiga apabila lebih banyak **sektor perniagaan dibenarkan beroperasi**. **Pelaburan asing yang menggalakkan dan keberkesanan** pakej rangsangan ekonomi akan menyokong pemulihan ekonomi.

4. **Syarat yang menyusahkan selain peningkatan kos tinggi** antara sebab menjadi halangan kepada ramai **pemilik klinik swasta** untuk menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

5. Pada suku tahun pertama yang berakhir 31 Mac 2021, pendapatan **kumpulan AirAsia bagi suku pertama tahun ini adalah RM298 juta**, naik 12 peratus suku ke suku **tetapi menurun 87 peratus tahun ke tahun**. Pendapatan penerbangan **jatuh 91 peratus tahun ke tahun** disebabkan perjalanan terhad oleh larangan pergerakan yang dikenakan di Malaysia sejak Januari 2021.

6. **Industri Hotel dan Inap Desa** semakin suram kerana kehadiran pelancong ke pusat peranginan **merosot** berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

7. **Prosedur operasi standard (SOP) paling ketat** dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah **sektor kedai gunting rambut**. Keadaan ini membimbangkan para penggunting rambut kerana masih tidak dibenarkan beroperasi dan **menjangkakan akan berlanjutan dalam tempoh yang agak panjang.**

8. **Micron Malaysia yang telah membuat pelaburan berjumlah sehingga RM1.5 bilion dalam tempoh 10 tahun**, amat yakin dengan prospek masa depannya di negara ini, dirangsang oleh gelombang positif sektor

semikonduktor dan ekonomi digital. **Semikonduktor sangat penting dari segi keperluan ekonomi digital** dan hala tuju dunia.

9. **Cadangan pasport vaksin diberikan kepada individu** yang telah **divaksin sepenuhny**a adalah salah satu langkah yang sedang dipertimbangkan untuk membenarkan mereka **melakukan perjalanan dalam negara dan antarabangsa**. Imuniti kelompok dijangka dicapai pada akhir tahun 2021. Secara kumulatif, **sebanyak 5.68 juta dos vaksin Covid-19 telah diberikan** sejauh ini, dengan 1.59 juta orang telah diberi vaksin sepenuhnya.

10. **Bermaz Auto Bhd mencatatkan peningkatan keuntungan bersih** bagi tahun kewangan yang berakhir 30 April 2021 kepada RM133.94 juta berbanding RM100.84 juta pada tahun kewangan 2020. **Kuantiti jualan domestik yang lebih tinggi bagi tahun rujukan** adalah hasil daripada **peningkatan jualan pada suku kedua hingga suku keempat** berikutan impak positif daripada insentif Kerajaan seperti pengecualian cukai jualan serta promosi kempen jualan.

11. **Lebih 600,000 isi rumah golongan pendapatan M40** telah jatuh ke golongan B40 kerana kehilangan pekerjaan dan pendapatan kesan daripada wabak COVID-19.

12. **Kenaikan harga makanan ternakan (palet) yang mendadak daripada RM43 kepada RM55 seguni iaitu seberat 50 kilogram (kg)** menyebabkan penternak terpaksa melebihkan makanan alternatif lain untuk ternakan seperti rumput minyak dan napier grass (rumput gajah). Kenaikan harga makanan ternakan itu menyebabkan harga ternakan juga meningkat dari semasa ke semasa.

13. Kerajaan negeri Melaka mengumumkan **60 inisiatif dan pakej bantuan kebajikan rakyat menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021**: Sejahtera Bersama hari ini, berjumlah RM174.53 juta.

14. Perniagaan yang tidak termasuk dalam senarai dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan pekerja mereka boleh **memohon moratorium serta diberikan kelulusan automatik, termasuk individu golongan M40 dan T20 yang terjejas pendapatan.**

15. Sebanyak **200 tan sayur-sayuran yang tidak dapat dijual dan rosak terpaksa dilupuskan setiap hari.** Oleh itu pihak pembekal memberi cadangan kepada kerajaan negeri untuk mewujudkan pusat pengumpulan sayur-sayuran dalam usaha menyelesaikan lambakan di pasaran.

16. Kementerian Pendidikan Malaysia akan **melaksanakan pengambilan 18,702 guru secara *one-off* bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar di Sabah, Sarawak, Selangor dan Johor**. Permohonan bagi pengambilan pegawai perkhidmatan pendidikan gred DG41 akan dibuka pada 7 Julai di mana penempatan secara berperingkat bermula Oktober. Langkah ini bagi menyelesaikan isu kekurangan guru di negeri berkenaan di samping memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar sepanjang pandemik COVID-19.

17. **Sejumlah 2,082 syarikat dengan 301,050 pekerja telah mendaftar bagi vaksinasi di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)**. Daripada jumlah tersebut, 255 syarikat dengan melibatkan 14,357 pekerja adalah dari Johor. Pelaksanaan PIKAS adalah bagi sektor pembuatan dan perkilangan, dan bagi memenuhi keperluan sektor ekonomi, PIKAS akan diperluas kepada sektor perladangan, pembinaan dan lain-lain.

18. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah melancarkan **projek rintis pemberian vaksin sebanyak 5 ribu pekerja di sektor perladangan sawit di Selangor bagi menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).**

19. **Pelaksanaan e-Payroll yang dibangunkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** akan membantu mengurangkan kos operasi dan mengoptimumkan sumber manusia melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan dalam industri perkhidmatan yang terjejas dengan pandemik COVID-19. **Kemudahan e-Payroll sejajar dengan inisiatif JENDELA yang menyokong pelan infrastruktur digital negara dengan peruntukan RM21 bilion selama 5 tahun bagi menambahbaik liputan internet, pendigitalan dan mengoptimumkan penggunaan internet.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>18 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Melaka sediakan pakej rangsangan RM174.53 juta**<br><br>Kerajaan Melaka mengumumkan 60 inisiatif dan pakej bantuan kebajikan rakyat menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama yang memperuntukkan perbelanjaan RM174.53 juta.<br><br>Antara bantuan utama untuk rakyat yang dibentangkan adalah;<br><br>i. Bantuan one-off RM350 kepada golongan B40 dan rentan yang memperoleh gaji harian;<br>ii. Bantuan Kit Makanan Nutrisi Sejahtera bernilai RM100;<br>iii. Pemberian 3,000 tablet dan langganan internet selama setahun secara `one-off' bagi keluarga asnaf yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga anak di bawah tanggungan yang masih bersekolah atau menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA);<br>iv. Bayaran insentif khas kepada 215 pelajar cemerlang Sijil Persekolahan Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/829305/melaka-sediakan-pakej-rangsangan-rm17453-juta |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia (STPM) tahun lalu;<br>v. Memberi penangguhan bayaran balik pinjaman Tabung Amanah Pendidikan Melaka (TAPEM) (Jun-Ogos);<br>vi. Bantuan tambahan one-off RM200 kepada 8,500 Ketua Isi Rumah (KIR) di bawah asnaf Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sempena Aidiladha;<br>vii. Bantuan one-off RM300 kepada 2,000 golongan mualaf yang aktif di bawah MAIM;<br>viii. Bantuan makanan bulanan MAIM<br>ix. Bantuan makanan kecemasan secara one-off bernilai RM50 setiap satu<br>x. Penyediaan kit kesihatan dan penjagaan tubuh kepada golongan sasar (RM150,000), kelengkapan dan kemudahan asas petugas barisan hadapan (RM100,000), kit peralatan pengurusan jenazah di semua 186 masjid seluruh negeri (RM300,000);<br>xi. Rebat 10 peratus bil air kepada semua 20,000 pemilik rumah kos rendah milik Lembaga Perumahan Melaka (LPM); dan<br>xii. Pengurangan bayaran sewa rumah pangsa dan Program Perumahan Rakyat (PPR) LPM sebanyak 50 peratus. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Edge**<br>18 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Lee Kah Choon: Penang sees less investments amid Covid-19-driven 'consolidation'**<br><br>Penang expects 2021 incoming manufacturing investments to fall to about RM5 billion from RM14.1 billion a year earlier as the electronics and electrical manufacturing and assembling hub contends with a Covid-19 pandemic-driven business landscape which has led to a slowdown in the rollout of the latest technology such as 5G and artificial intelligence.<br><br>Penang's approved manufacturing investments rose to RM16.9 billion in 2019 from RM5.8 billion in 2018. In 2020, Penang attracted manufacturing investments of RM14.1 billion.<br><br>For the first quarter of 2021 (1Q21), Penang recorded RM1.1 billion in approved manufacturing investments, down from RM7.1 billion a year earlier. The investments were derived from 40 projects. Out of RM1.1 billion, 52% came from domestic direct investments while 48% were contributed by foreign direct investments.<br><br>On the 1Q21 investment performance, it was consistent with Penang's investment historical trend, which indicates a consolidation could happen after one to two years of investment spike. | https://www.theedgemarkets.com/article/lee-kah-choon-penang-sees-less-investments-amid-covid19driven-consolidation |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian**<br>20 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Ekonomi dijangka pulih pada Fasa 3**<br><br>Semakan semula sasaran asal pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara 6.0 peratus hingga 7.5 peratus bagi keseluruhan tahun akan dilaksanakan oleh kerajaan. Secara keseluruhan KDNK pada 2021 akan berada di wilayah positif berbanding tahun lalu berikutan lebih banyak sektor perniagaan dibenarkan beroperasi terutama pada fasa ketiga. . | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/830157/ekonomi-dijangka-pulih-pada-fasa-3 |
| 4. | **Metro**<br>20 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **MUIP sedia RM5.25 juta untuk 19,405 pemohon BPZ**<br><br>Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) meluluskan permohonan Bantuan Prihatin Zakat (BPZ) sebanyak RM5.25 juta kepada 19,405 pemohon. Bantuan sekali bayar yang kali pertama diperkenalkan itu memberi peluang kepada individu yang layak menerima antara RM200 hingga RM300. Skim kali pertama diperkenalkan ini adalah bukti keprihatinan Muip kepada golongan terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/720216/muip-sedia-rm525-juta-untuk-19405-pemohon-bpz |

Penemuan penting & isu:

1. Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama yang memperuntukkan perbelanjaan RM174.53 juta. Pakej rangsangan ini disasarkan dapat membantu ekonomi rakyat dan para pengusaha tempatan.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengunjurkan bahawa pelaburan bagi sektor pembuatan akan berkurangan kepada RM5 bilion pada tahun 2021 berbanding RM14.1 bilion yang direkodkan pada 2020. Jangkaan ini adalah berdasarkan norma baru perniagaan dalam situasi pandemik COVID-19 yang menyebabkan pengurangan dan kelewatan pengeluaran teknologi terkini seperti 5G dan kecerdasan buatan.

3. Pelaksanaan PKP akan menyebabkan beberapa golongan terjejas, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) meluluskan permohonan Bantuan Prihatin Zakat (BPZ) sebanyak RM5.25 juta kepada 19,405 pemohon. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan secara one-off sebanyak RM200 hingga RM300 kepada golongan yang layak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan insentif yang disalurkan oleh kerajaaan negeri merupakan salah satu langkah membantu rakyat sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.

2. Sektor Pembuatan merupakan pemangkin kepada ekonomi Pulau Pinang dengan sumbangan sebanyak 42.8 peratus kepada ekonomi negeri. Pada tahun 2019, sektor ini merekodkan nilai ditambah sebanyak RM40.5 bilion berbanding RM39.5 bilion pada tahun sebelumnya dan menjadikan sektor Pembuatan bertumbuh lebih perlahan kepada 2.7 peratus (2018: 5.4%).

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Kesihatan** | | |
| 1. | **The Edge Malaysia**<br>18 Jun 2021<br>(*Essential*) | **All registered in MySejahtera will get Covid vaccine — MOH**<br><br>The Ministry of Health (MOH) has given its assurance that all individuals who have registered for vaccination in the MySejahtera app will be given appointment dates to receive the vaccine. Dr Noor Azmi also urged all private hospitals, private general practitioners (GP) and | https://www.theedgemarkets.com/article/all-registered-mysejahtera-will-get-covid-vaccine-%E2%80%94-moh |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | private specialist hospitals to register as PPV. | |
| 2. | **New Straits Times** 18 Jun 2021 (*Essential*) | **A comprehensive plan for better economic recovery**<br><br>The government recently announced steps towards national recovery, whereby it aims to "exit" the Covid-19 pandemic in four phases. In **Goal number 3:** Pandemic management — Focus resources on fast-tracking the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP) and expanding Covid-19 testing, one of the objectives in this goal is Increase daily vaccination throughput. In addition to increasing the number of vaccination centres (PPVs), the government should expedite the decentralisation strategies such as the designation of general practitioner (GP) clinics and private hospitals as vaccination centres, rolling out drive-through vaccinations, and the use of Government vehicles to help bring vaccines to the elderlies and people living far away from vaccination centres. | https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2021/06/699999/comprehensive-plan-better-economic-recovery |
| 3. | **New Straits Times** 18 Jun 2021 (*Essential*) | **Health Ministry allays public concerns over slow vaccination appointments [NSTTV]**<br><br>The Health Ministry has given its assurance that everyone who had registered their interest in Covid-19 inoculation via the MySejahtera application will eventually receive their vaccine appointments. The Covid-19 | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/700036/health-ministry-allays-public-concerns-over-slow-vaccination-appointments |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | vaccines are coming in huge volumes from July. I am certain that we can expedite the vaccination process in July and August to achieve the target. Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said Malaysia is also expected to receive its first batch of the CanSino Covid-19 vaccine next month.<br><br>He urged more private hospitals and general practitioners (GPs) to come forward to assist the government in the vaccination process. "In June, we are targeting some 75 private hospitals nationwide to help us but today, there are only 67, including seven in Penang. | |
| 4. | **New Straits Times**<br>18 Jun 2021<br>(*Essential*) | **APHM: Ceiling prices for Covid-19 tests do not cover other fees related to testing**<br><br>The Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) president Datuk Dr Kuljit Singh also said price controls instituted for Covid-19 testing applied only to private laboratories' charges. He said it did not include fees to extract samples, cost of personal protective equipment (PPE), and consultation fees with medical personnel.<br><br>The Health Ministry had set a ceiling price for all tests under the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 on May 11.<br>The ceiling price set for polymerase chain reaction (RT-PCR) test is at RM150, RTK- | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/700058/aphm-ceiling-prices-covid-19-tests-do-not-cover-other-fees-related |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | antigen test RM60, and RTK antibody test RM50 in peninsular Malaysia. The RT-PCR test in Sabah and Sarawak is capped at RM200, with RTK-antigen test has a price ceiling of RM80 and RTK-antibody test RM70. | |
| 5. | **Metro Harian**<br>18 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Perlis sasar 2,600 penerima vaksin sehari**<br><br>Kerajaan Perlis menyasarkan 2,600 orang di negeri itu menerima vaksin Covid-19 setiap hari bagi mencapai matlamat 80 peratus penduduk negara divaksinasi menjelang hujung tahun ini. Menurut Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Azman Mohd Yusof, sasaran itu dapat dicapai berikutan Perlis mempunyai sembilan pusat pemberian vaksin (PPV), iaitu 3 PPV fasiliti awam, 1 PPV khas di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), 4 klinik swasta dan satu pasukan vaksinasi bergerak. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/719581/perlis-sasar-2600-penerima-vaksin-sehari |
| 6. | **Metro Harian**<br>19 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Kelantan pertimbang CanSino untuk banduan, tahanan imigresen**<br><br>Kelantan bercadang untuk mengutamakan pemberian vaksin CanSino kepada golongan tertentu selain penduduk kawasan pedalaman termasuk Orang Asli. Selain PPV awam, PPV di klinik swasta, hospital swasta, serta vaksinasi dari rumah ke rumah dan Program Outreach turut dilaksanakan bagi memastikan semua penduduk di Kelantan menerima suntikan vaksin. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/719996/kelantan-pertimbang-cansino-untuk-banduan-tahanan-imigresen |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Metro Harian**<br>19 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Ordinan darurat tingkat keupayaan KKM tangani pandemik Covid-19**<br><br>Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 diwartakan pada 14 Januari lalu adalah antara instrumen penting bagi mengoptimumkan keupayaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam pengurusan pandemik COVID-19.<br><br>Menteri Kesihatan menegaskan Ordinan Darurat itu memberi kesan efektif ke arah usaha melandaikan lengkuk COVID-19 termasuk memberi kuasa untuk membabitkan pihak swasta dalam membantu mengurus sekali gus mengekang pandemik COVID-19 daripada terus menular. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/720097/ordinan-darurat-tingkat-keupayaan-kkm-tangani-pandemik-covid-19 |
| 8. | **MSN News**<br>19 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Letak syarat mudah, kami mahu bantu negara, rayu pemilik klinik swasta**<br><br>Syarat yang menyusahkan selain terpaksa mengeluarkan kos tinggi antara sebab ramai pemilik klinik swasta di bandaraya ini "berat hati" untuk turut serta menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK). Menurut seorang doktor klinik swasta di Taman Nusa Bestari, kerajaan sepatutnya mengkaji semula syarat serta keperluan bagi mengurangkan kos klinik swasta bagi menyertai PICK.<br><br>Setiap klinik akan dibayar RM14 bagi setiap suntikan dan ini tidak | https://www.msn.com/en-my/news/berita/letak-syarat-mudah-kami-mahu-bantu-negara-rayu-pemilik-klinik-swasta/ar-AALcBqw |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | memadai bagi kos yang ditanggung termasuk perbelanjaan peti sejuk farmaseutikal, kotak sejuk, perbelanjaan perjalanan bagi kakitangan, pengurusan penerima vaksin, penyediaan laporan dan sebagainya. | |
| 9. | **The Edge Malaysia**<br>21 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Sunway Medical Centre appointed as healthcare organiser at Sunway Pyramid Convention Centre**<br><br>Sunway Healthcare group's flagship hospital Sunway Medical Centre has been appointed as Healthcare Organiser (HCO) by ProtectHealth Corporation Sdn Bhd to perform clinical management and public vaccinations at Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC). Sunway Healthcare added that Sunway Medical Centre now manages two Petaling district public vaccination centres along with the SunMed Convention Centre.<br><br>SunMed Convention Centre was repurposed as a vaccination centre for its frontline workers in March 2021 and subsequently was appointed by ProtectHealth as a Pusat Pemberian Vaksin Hospital Swasta (PPVHS) in phase two of the programme rollout for the public since March 31, 2021.<br><br>Sunway Healthcare noted that Sunway Bhd has committed more than RM50 million since | https://www.theedgemarkets.com/article/sunway-medical-centre-appointed-healthcare-organiser-sunway-pyramid-convention-centre |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | March 2020 to battle the Covid-19 pandemic, and has last month provided its convention centre rent-free for 11 months to support the National Covid-19 Immunisation Program (PICK), which has set the group back RM28 million in actual costs. | |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 10. | **Berita Harian**<br>20.6.2021<br>(*Essential*) | **Sektor penerbangan kembali normal 2022**<br><br>Industri penerbangan dijangka kembali normal pada tahun 2022 dengan pembukaan semula secara berperingkat perjalanan rentas negeri dan sempadan antarabangsa. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/830023/sektor-penerbangan-kembali-normal-2022 |
| | **C. Subsektor Penginapan** | | |
| 11. | **Sinar Harian**<br>**20 Jun 2021**<br>*(Essential)* | **Kedah hasrat buka sektor pelancongan pada November**<br><br>Kerajaan negeri Kedah berhasrat membuka semula sektor pelancongan domestik khususnya di Pulau Langkawi menjelang November 2021. Hasrat ini dapat ditunaikan apabila rakyat/ penduduk di negeri Kedah mencapai tahap imuniti kelompok mengikut sasaran sekurang-kurangnya 70 peratus. Sehubungan itu, program vaksin secara besar-besaran harus dilaksanakan bagi mencapai sasaran ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/145350/BERITA/Nasional/Kedah-hasrat-buka-sektor-pelancongan-pada-November |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12. | **Utusan Malaysia 21 Jun 2021** *(Essential)* | **Inap desa Kundasang makin tenat**<br><br>Pengerusi Persatuan Pelancongan dan Kebudayaan Kundasang, Japiril Suhaimin berkata, sejak pandemik Covid-19 melanda, Industri Inap Desa / *Homestay* di kawasan tumpuan pelancongan itu sangat terjejas. Tambahan lagi, apabila PKP dilaksanakan semula, pendapatan mereka kembali sifar kerana aktiviti pelancongan tidak dibenarkan sama sekali. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/inap-desa-kundasang-makin-tenat/ |
| 13. | **Utusan Malaysia 21 Jun 2021** *(Essential)* | **PKP 3.0: Tujuh hotel di Langkawi 'bungkus'**<br><br>Industri perhotelan di Langkawi memasuki fasa tenat apabila terdapat hotel yang ditutup sepenuhnya ekoran mengalami kerugian sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.<br>Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), Zainudin Kadir berkata, sebanyak tujuh pengusaha hotel yang bernaung di bawahnya 'bungkus' dengan kerugian dianggarkan bernilai RM25 juta dalam tempoh PKP ini. Tambahan lain, tujuh hotel terbabit telah tutup operasi serta merta, manakala terdapat hotel lain yang dijual dan ada yang ditukarkan kepada rumah atau bilik sewa. | https://www.utusan.com.my/premium/2021/06/pkp-3-0-tujuh-hotel-di-langkawi-bungkus/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **D. Subsektor Profesional** | | |
| 14. | **Utusan Malaysia**<br>20 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Peguam terkesan dengan pandemik COVID-19**<br><br>Perkhidmatan guaman tidak dapat dibuat di kediaman sekali gus menyebabkan pendapatan terkesan dan akhirnya tidak mampu menampung kos operasi termasuk gaji pekerja. Firma guaman kini terpaksa ditutup sementara kerana diletakkan di bawah bukan perkhidmatan tidak perlu sepanjang total lockdown hingga para pekerja diarahkan bekerja dari rumah. | https://www.utusan.com.my/nasional/2021/06/peguam-terkesan-dengan-pandemik-covid-19/ |
| | **E. Subsektor Perkhidmatan Lain** | | |
| 15. | **Utusan**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **"Kenapa hukum kami?"**<br><br>Lanjutan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 untuk dua minggu lagi, sangat memberi kesan kepada pengusaha gunting rambut dan salun kerana perniagaan mereka disenaraikan sebagai perkhidmatan bukan keperluan utama.<br><br>Pelan Pemulihan Negara dengan empat fasa hanya menambahkan lagi gelisah para peniaga untuk menempuh PKP 3.0 kerana tidak boleh menjangka tempoh untuk mereka beroperasi semula. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/kenapa-hukum-kami/ |

Penemuan penting & isu:

1. *The national target was to have 75 private hospitals operating as PPV this month but only 67 were operational to date including seven in Penang.*

2. *Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali hope more private hospitals as well as GPs (there are 8,000 GPs nationwide) will come forward to volunteer as everyone is important and has a part to play to ensure the success of the vaccination programme.*

3. *Private hospitals will display or notify the final Covid-19 test charges which will include the laboratory charges and other costs for the public to choose and decide and it will vary from each hospital based on its service and geographical location.*

4. Menerusi Ordinan Darurat, fasiliti kesihatan swasta digunakan untuk merawat pesakit Covid-19 dan penetapan fi maksima bagi ujian pengesanan yang dijalankan makmal dan fasiliti kesihatan swasta iaitu caj ujian RT PCR RM150, RTK Antigen tidak lebih RM60 dan RTK antibodi tidak melebihi RM50 di Semenanjung.

5. Syarat yang menyusahkan selain peningkatan kos tinggi antara sebab menjadi halangan kepada ramai pemilik klinik swasta untuk menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

6. Menurut Sunway Medical Centre, dos yang diberikan di SunMed Convention Center dan Sunway Pyramid Convention Center akan mencapai 3.000 dos setiap hari, dengan perancangan untuk meningkatkan kapasiti secara beransur-ansur sehingga mencapai 5,000 dos.

7. *ProtectHealth chief executive officer (CEO) Dr Anas Alam Faizli said the participation of the private sector is critical to ensure that everyone works together to increase vaccination capacity nationwide in the implementation of PICK.*

8. Pada suku tahun pertama yang berakhir 31 Mac 2021, pendapatan kumpulan AirAsia bagi suku pertama tahun ini adalah RM298 juta, naik 12 peratus suku ke suku tetapi menurun 87 peratus tahun ke tahun. Pendapatan penerbangan jatuh 91 peratus tahun ke tahun disebabkan perjalanan terhad oleh larangan pergerakan yang dikenakan di Malaysia sejak Januari 2021.

9. Industri Hotel dan Inap Desa semakin suram kerana kehadiran pelancong ke pusat peranginan merosot berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

10. Mekanisme pengagihan bantuan perlu dilihat semula oleh kerajaan. Ini adalah kebanyakan peguam dikategorikan dalam kategori T20 dan M40. Mereka kini sangat terkesan dan tidak dapat langsung sebarang bantuan.

11. Prosedur operasi standard (SOP) paling ketat dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah sektor kedai gunting rambut. Keadaan ini membimbangkan para penggunting rambut kerana masih tidak dibenarkan beroperasi dan menjangkakan akan berlanjutan dalam tempoh yang agak panjang.

Maklumbalas Bahagian:

1. Semakin banyak hospital dan klinik swasta akan terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan selari dengan peningkatan jumlah vaksin yang diterima oleh Negara.

2. Pembukaan semula sektor penerbangan secara berperingkat dengan perjalanan merentas negeri dan sempadan antarabangsa pada suku tahun keempat 2021 akan meningkatkan semula pendapatan Airasia Bhd. Langkah ini memberi kesan positif terhadap industri pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa (51101), segmen Pengangkutan Udara.

3. Kadar penghunian yang rendah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan (55101) untuk tempoh suku tahun kedua 2021.

4. Perkhidmatan guaman menerima kesan negatif dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, menyebabkan firma guaman tidak beroperasi kerana bukan tergolong dalam *essential services*. Aktiviti guaman pada suku tahun kedua 2021 dijangka akan merosot.

   Industri dandanan rambut merupakan industri yang terjejas teruk ekoran tidak dibenarkan beroperasi sejak PKP 1.0. Kemampuan industri ini untuk bertahan sehingga PKP 3.0 terutama pengusaha gunting rambut kecil amat membimbangkan kerana perlu menghadapi segala kos tanggungan bulanan selain perbelanjaan seisi rumah. Bahagian akan mengambil perhatian terhadap pendapatan industri gunting rambut yang terjejas dalam tempoh PKP 3.0 semasa penyediaan statistik pada suku kedua 2021 nanti.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Malaysia kekalkan cukai eksport MSM 8.0 peratus pada Julai 2021**<br><br>Malaysia mengekalkan cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) sebanyak lapan peratus bagi bulan ketujuh berturut-turut apabila kadar yang sama dikenakan berkuat kuasa 1 hingga 31 Julai, 2021.<br><br>Jabatan Kastam Diraja Malaysia menjelaskan kadar cukai eksport lapan peratus itu ditetapkan selepas harga pasaran MSM melebihi RM3,450 satu tan.<br><br>Struktur cukai eksport itu bermula dengan kadar tiga peratus untuk MSM berharga RM2,250 hingga RM2,400 satu tan, manakala kadar cukai maksimum ditetapkan sebanyak lapan peratus apabila harga melebihi RM3,450 satu tan. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1973394 |
| 2. | **Bernama**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Micron Malaysia yakin dengan prospek masa depan, didorong oleh pertumbuhan ekonomi digital**<br><br>Micron Malaysia yang telah membuat pelaburan berjumlah sehingga RM1.5 bilion dalam tempoh 10 tahun, amat yakin dengan prospek masa depannya di negara ini, dirangsang oleh gelombang positif sektor semikonduktor dan ekonomi digital. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1973842 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Semikonduktor sangat penting dari segi keperluan ekonomi digital dan hala tuju dunia. Justeru itu mereka amat yakin dari segi potensi dan peluang pertumbuhan.<br><br>Mengulas mengenai operasinya di Pulau Pinang, operasi berjalan lancer walaupun dalam situasi pandemik Covid-19 dengan penyiapan bangunannya serta pengambilan lebih daripada 2,000 pekerja, malah turut berjaya membuat penghantaran produk kepada pengguna utama. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia mengekalkan cukai eksport minyak sawit mentah (MSM) sebanyak lapan peratus bagi bulan ketujuh berturut-turut apabila kadar yang sama dikenakan berkuat kuasa 1 hingga 31 Julai, 2021. Jabatan Kastam Diraja Malaysia menjelaskan kadar cukai eksport lapan peratus itu ditetapkan selepas harga pasaran MSM melebihi RM3,450 satu tan. Struktur cukai eksport itu bermula dengan kadar tiga peratus untuk MSM berharga RM2,250 hingga RM2,400 satu tan, manakala kadar cukai maksimum ditetapkan sebanyak lapan peratus apabila harga melebihi RM3,450 satu tan.

2. Micron Malaysia yang telah membuat pelaburan berjumlah sehingga RM1.5 bilion dalam tempoh 10 tahun, amat yakin dengan prospek masa depannya di negara ini, dirangsang oleh gelombang positif sektor semikonduktor dan ekonomi digital. Semikonduktor sangat penting dari segi keperluan ekonomi digital dan hala tuju dunia. Justeru itu mereka amat yakin dari segi potensi dan peluang pertumbuhan. Mengulas mengenai operasinya di Pulau Pinang, operasi berjalan lancer walaupun dalam situasi pandemik Covid-19 dengan penyiapan bangunannya serta pengambilan lebih daripada 2,000 pekerja, malah turut berjaya membuat penghantaran produk kepada pengguna utama.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran minyak kelapa sawit bagi April 2021 adalah RM8,386 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM316.7 juta atau 3.9 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit dan hasil keluaran kelapa sawit bagi April 2021 adalah 2.03 juta tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 42.8 ribu atau 2.6 peratus bulan ke bulan. Negara India merupakan destinasi utama eksport minyak kelapa sawit Malaysia dengan nilai eksport sebanyak RM1,198.61 atau 25.6 peratus, diikuti oleh Turki (RM320.0 juta atau 6.8 peratus) dan Filipina (RM 311.0 juta atau 6.7 peratus).

2. Nilai eksport barangan elektrik dan elektronik bagi April 2021 adalah RM37,067 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM2,721 juta atau 6.8 peratus bulan ke bulan. Barangan elektrik dan elektronik merupakan menyumbang terbesar kepada sektor pembuatan iaitu sebanyak 35.1 peratus dari jumlah keseluruhan.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>**19 June 2021**<br>*(non-essential)* | **Construction site slapped with notice due to unsavoury living conditions for workers**<br><br>Police have issued a notice to the management of a construction site for a luxury condominium in the city due to unsavoury living conditions for its workers. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/19/construction-site-slapped-with-notice-due-to-unsavoury-living-conditions-for-workers |
| 2. | **Malaysia Gazette**<br>**20 Jun 2021**<br>*(non-essential)* | **1,000 pekerja pembinaan MRCB sudah divaksin**<br><br>Seramai 1,000 pekerja Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) dari kategori sektor pembinaan telah menerima vaksinasi pertama. | https://malaysiagazette.com/2021/06/20/1000-pekerja-pembinaan-mrcb-sudah-divaksin/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Free Malaysia Today**<br>**20 June 2021**<br>*(non-essential)* | **Foreign worker dies of injuries from highway project collapse**<br><br>A Bangladeshi construction worker has died of injuries suffered when metal scaffolding collapsed at a construction site of the Damansara-Shah Alam Elevated Expressway. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/20/foreign-worker-dies-of-injuries-from-highway-project-collapse/ |
| 4. | **Berita Harian**<br>**21 Jun 2021**<br>*(Non-Essential)* | **309 PATI ditahan di penempatan tapak pembinaan**<br><br>Seramai 309 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam serbuan ke atas kawasan penempatan di sebuah tapak pembinaan di Dengkil, Selangor. | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2021/06/830266/bhplus |
| 5. | **The Edge**<br>**18 June 2021**<br>*(non-essential)* | **Penang eyes spike in manufacturing investments in second half of 2022.**<br><br>Penang, one of the country's key manufacturing hubs, is expected to see a spike in investments in the State's manufacturing sector in the second half of next year, following consolidation this year. | https://www.theedgemarkets.com/article/penang-eyes-spike-manufacturing-investments-second-half-2022 |
| 6. | **The Edge**<br>**18 June 2021**<br>*(essential)* | **No more warning, compounds for factories flouting MCO SOP — Hamzah**<br><br>Employers in the manufacturing sector will be immediately issued with compounds without further warning if they are found infringing the Movement Control Order (MCO) standard operating procedures (SOP), said Home Minister Datuk Seri Hamzah Zainudin today. | https://www.theedgemarkets.com/article/no-more-warning-compounds-factories-flouting-mco-sop-—-hamzah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **The Edge**<br>**18 June 2021**<br>*(essential)* | **MSM, Euro Holdings, MBSB, NPC Resources, Ipmuda, Genetec, MQ Technology, LKL International, Advancecon and Apollo Food**<br><br>Based on corporate announcements and news flow today, companies in focus tomorrow (June 18) may include Apollo Food Holdings Bhd. | https://www.theedgemarkets.com/article/msm-euro-holdings-mbsb-npc-resources-ipmuda-genetec-mq-technology-lkl-international |

Penemuan penting & isu:

1. *The police has the authority to ensure that all individuals at the construction site complied with Covid-19 standard operating procedures (SOP). The notice issued was an order for the management to improve the facilities within two weeks.*

2. Program yang diadakan di Stesen Sentral Kuala Lumpur melibatkan dua trak vaksin bergerak yang disediakan oleh Optimax Holdings Berhad menerusi inisiatif Trak Vaksin Bergerak MyMedic@Wilayah. Inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan, dengan memfokuskan pemberian vaksin kepada rakyat bagi mencapai imuniti kelompok dalam kadar segera, terutamanya dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

3. *Two workers were injured in the incident. They were carrying out construction work under a 12m high concrete structure, near the Kota Damansara exit toll, when the incident occurred at 7pm.*

4. Ketua Pengarah Imigresen memaklumkan ianya merupakan tangkapan terbesar tahun ini, setakat ini, membabitkan 193 warga Indonesia, Bangladesh (102), Myanmar (lapan), Vietnam (empat) dan India (dua).

5. *Penang's target for manufacturing investments in 2021 is RM5 billion despite the ongoing Covid-19 pandemic. The top three manufacturing industries for the approved investment in Penang in 1Q were fabricated metal products (RM433 million), machinery and equipment (RM226 million) and electrical and electronics (RM163 million).*

6. *Some employers are given approval by MITI, but they flout the SOP. For example, a quarrying company in Kajang today has more than 60% employees' attendance. There are over 40 factories nationwide were issued compounds for flouting the MCO SOP since June 1.*

7. *Confectionary maker Apollo Food Holdings Bhd has announced a temporary manufacturing stoppage for the second time this month to prevent the spread of Covid-19. The affected manufacturing facility this time is run by wholly-owned subsidiary Apollo Food Industries (M) Sdn Bhd, which was ordered by the Ministry of Health (MoH) yesterday to close for seven days until June 22 to disinfect its premises.*

   .

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum bahawa pengurusan sebuah tapak pembinaan telah diberikan notis 2 minggu kerana menyediakan tempat tinggal yang tidak menepati standard kepada pekerja mereka.

2. Dengan adanya inisiatif trak vaksinasi bergerak yang dianjurkan secara khusus kepada pekerja MRCB, ia akan dapat mempercepatkan penerimaan vaksin, sekali gus membantu mengurangkan risiko penularan Covid-19 di tapak pembinaan. Dengan memastikan majoriti warga kerja MRCB divaksin secepat mungkin, MRCB dapat mengembalikan operasi di tapak pembinaan secara optimum.

3. Bahagian mengambil maklum bahawa seorang pekerja asing meninggal dunia akibat kecederaan dialami setelah perancah logam telah runtuh di tapak pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam. Ianya akan memberi impak kepada kemajuan projek dalam pembinaan lebuhraya tersebut.

4. Bahagian mengambil maklum bahawa sejumlah 309 pendatang asing ditangkap oleh Jabatan Imigresen dalam operasi bersepadu berdekatan penempatan tapak pembinaan di Dengkil kerana pelanggaran SOP covid-19 dalam tempoh MCO.

5. Bahagian mengambil maklum bahawa tiga industri pembuatan teratas untuk pelaburan yang diluluskan di Pulau Pinang adalah produk logam tiruan, mesin dan peralatan, dan elektrik dan elektronik.

6. Bahagian mengambil maklum bahawa majikan di sektor pembuatan akan diberi kompaun serta merta tanpa amaran sekiranya mereka didapati melanggar prosedur operasi standard (SOP) Pergerakan Kawalan Pergerakan (MCO).

7. Bahagian mengambil maklum penutupan sementara kilang Apollo Food Holdings Bhd selama tujuh hari, hingga 22 Jun untuk membasmi kuman premisnya bagi mengelakkan penyebaran Covid-19. Pertubuhan ini juga merupakan antara penyumbang utama nilai jualan dan mempunya bilangan pekerja yang signifikan dalam sektor Pembuatan.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Free Malaysia Today**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Fully vaccinated might get travel rights**<br><br>The government is looking into easing movement restrictions, including the freedom to travel across state borders, for people who are fully vaccinated against Covid-19. They are looking into the privileges and freedoms that could be granted to those fully completed the vaccination. They will have a yellow profile on their MySejahtera application, which would act as a vaccine passport that will allow them a certain degree of freedom. Government was also negotiating with other countries including Singapore for mutual recognition of the vaccination passport. However, Malaysians must continue to adhere to hygiene and safety protocols even if they have been fully vaccinated. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/20/fully-vaccinated-might-get-travel-rights-says-khairy/ |
| 2. | **NST Online**<br>21 Jun 2021<br>*(Essential)* | **RM7.33bil investments realised in Iskandar Malaysia from Jan-Apr 2021**<br><br>A total of RM7.33 billion worth of investment projects had been realised in Iskandar Malaysia from January to April 2021, with 80 per cent coming from foreign investors and the remaining 20 per cent from local. Iskandar Regional Development Authority (IRDA) said the realised investment indicated a positive stance of Iskandar Malaysia as it | https://www.nst.com.my/business/2021/06/700838/rm733bil-investments-realised-iskandar-malaysia-jan-apr-2021 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | still retains investors' trust and hope this confidence will continue and encourage other investors to see the region as an ideal platform to start, rebuild or expand their business and operations during or in preparation of the post-Covid-19 pandemic. Malaysia Investment Development Authority's (MIDA) support and approval for manufacturing projects in Iskandar Malaysia had fuelled the investment growth, namely in transport equipment, electrical and electronics and machinery and equipment. | |
| 3. | **The Star**<br>21 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **No haj pilgrimage this year**<br><br>The government will not send pilgrims for this year's haj season, marking the second season that the country has deferred participation in the yearly pilgrimage. The decision was made on concerns over Covid-19 developments around the world. The prohibition to perform the haj, from the government of His Majesty, must be complied by all citizens and residents of this country, including those who intend to travel to and from the country. The Kingdom of Saudi Arabia announced on June 12 that this year's haj pilgrimage will be pared down to no more than 60,000 vaccinated individuals. | https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/06/21/no-haj-pilgrimage-this-year |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk melonggarkan sekatan pergerakan termasuk kebebasan untuk melakukan perjalanan merentasi sempadan negara, bagi mereka yang telah mengambil vaksin Covid-19 sepenuhnya. Mereka akan mempunyai profil kuning pada aplikasi MySejahtera, berfungsi sebagai pasport

vaksin yang akan memberi mereka tahap kebebasan tertentu. Kerajaan juga akan berunding dengan negara lain termasuk Singapura untuk saling mengiktiraf pasport vaksinasi ini. Namun, rakyat Malaysia harus terus mematuhi SOP kebersihan dan keselamatan walaupun mereka telah diberi vaksin sepenuhnya.

2. Sejumlah projek pelaburan bernilai RM7.33 bilion telah direalisasikan di Iskandar Malaysia dari Januari hingga April 2021, dengan 80 peratus pelaburan dari pelabur asing dan 20% selebihnya dari tempatan. Pelaburan ini menunjukkan tanda positif kerana Iskandar Malaysia masih mengekalkan kepercayaan pelabur dan berharap keyakinan ini akan berterusan dan mendorong pelabur lain untuk melihat rantau ini sebagai platform yang ideal untuk memulakan, membina semula atau mengembangkan perniagaan dan operasi semasa atau dalam persediaan pasca-Covid-19. Sokongan dan kelulusan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk projek pembuatan di Iskandar Malaysia telah mendorong pertumbuhan pelaburan, iaitu dalam peralatan pengangkutan, elektrik dan elektronik serta mesin dan peralatan.

3. Kerajaan tidak akan menghantar jemaah haji untuk musim haji tahun ini dan ini adalah musim kedua Malaysia menangguhkan penyertaan dalam ibadah haji tahunan. Keputusan itu dibuat atas kebimbangan mengenai perkembangan Covid-19 di seluruh dunia. Kerajaan Arab Saudi juga telah mengumumkan pada 12 Jun yang lepas bahawa Jemaah haji pada tahun ini akan dikurangkan kepada tidak lebih daripada 60,000 individu yang telah divaksin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pertimbangan kerajaan untuk melonggarkan sekatan pergerakan dan perundingan dengan negara lain termasuk Singapura untuk mengiktiraf pasport vaksinasi serta keputusan kerajaan ini untuk tidak akan menghantar Jemaah haji untuk musim ini akan memberi kesan kepada komponen Perjalanan dalam penyusunan Akaun perkhidmatan. Pada suku pertama tahun 2021, eksport perjalanan mencatatkan RM69 juta manakala import ialah RM3.5 bilion

2. Perolehan pelaburan bernilai RM7.33 bilion dari tempoh Januari hingga April 2021, dengan 80 peratus pelaburan adalah dari pelabur asing akan dapat memberikan impak pada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya Akaun kewangan. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun kewangan merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM16.0 bilion daripada aliran keluar bersih RM10.2 bilion pada suku sebelumnya.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>18 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Bermaz raih keuntungan lebih tinggi**<br><br>Keuntungan bersih Bermaz Auto Bhd bagi tahun kewangan yang berakhir 30 April, 2021, meningkat kepada RM133.94 juta daripada RM100.84 juta pada tahun kewangan 2020.<br>Kuantiti jualan domestik yang lebih tinggi bagi tahun kewangan itu adalah hasil daripada peningkatan jualan pada suku kedua hingga suku keempat berikutan impak positif daripada pengenalan pakej rangsangan ekonomi di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).<br>Keputusan menggalakkan bagi tahun kewangan 2021 meskipun pandemik COVID-19, disebabkan terutama kempen promosi agresif dan insentif kerajaan seperti pengecualian cukai jualan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/829460/bermaz-raih-keuntungan-lebih-tinggi |
| 2. | **Astro Awani**<br>18 Jun 2021<br>*(non-essential)* | **MITI unjur jumlah pelaburan diluluskan meningkat tahun ini**<br><br>Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengunjurkan negara mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan lebih tinggi pada 2021 berbanding angka pada tahun lepas.<br>Terdapat tanda-tanda positif ekonomi ini berada di fasa pemulihan dan pakej rangsangan | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/miti-unjur-jumlah-pelaburan-diluluskan-meningkat-tahun-ini-303706 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ekonomi kerajaan juga menunjukkan hasil yang baik.<br>Pada suku kedua 2021, hampir RM100 bilion yang telah dicatatkan bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan utama.<br>Pada 2020, Malaysia merekodkan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM164 bilion dalam situasi pandemik di seluruh dunia, dengan pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang 60.9 peratus (RM99.8 bilion) dan FDI meningkat 39.1 peratus (RM64.2 bilion). | |
| 3. | **The Edge**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | ***Vaccination passport for interstate, foreign travel on the cards — Health DG***<br><br>*In April, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the National Security Council had discussed issuing certificates to individuals who are fully vaccinated for Covid-19 to give them the privilege of travelling, domestically and internationally.*<br>*Proof of Covid-19 vaccination may be made a requirement for interstate and foreign travel once more people are fully vaccinated. The vaccine passport proposal is one of the measures being considered for interstate and international travel.*<br>*The country hopes to achieve herd immunity status by the end of the year, but this would depend on the vaccination* | https://www.theedgemarkets.com/article/vaccination-passport-interstate-foreign-travel-cards-%E2%80%94-health-dg |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *process which will be expanded as soon as possible. Cumulatively, 5.68 million Covid-19 vaccine doses have been administered so far, with 1.59 million people having been fully vaccinated.* | |
| 4. | **Berita Harian**<br>20 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Peniaga tak boleh beroperasi dapat moratorium automatik**<br><br>Perniagaan yang tidak termasuk dalam senarai dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan pekerja mereka boleh memohon moratorium serta diberikan kelulusan automatik, termasuk individu golongan M40 dan T20 yang terjejas pendapatan. Kerajaan juga akan terus memberikan bantuan kewangan secara bersasar kepada perniagaan dan individu yang terjejas sepanjang sekatan pergerakan penuh berikutan pelaksanaan PKP 3.0. Sepanjang krisis COVID-19, kerajaan terus menyalurkan bantuan tunai kepada golongan terjejas dengan peruntukan sebanyak RM16.7 bilion pada 2021. Bagi kelangsungan perniagaan, kerajaan memberi bantuan tunai RM14.1 bilion pada tahun ini. Selain bantuan langsung, kerajaan juga menyediakan bantuan tidak langsung dan subsidi yang diunjurkan mencecah RM15 bilion tahun ini, berbanding hanya RM9 bilion pada 2020. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/830141/peniaga-tak-boleh-beroperasi-dapat-moratorium-automatik |

Penemuan penting & isu:

1. Cadangan pasport vaksin diberikan kepada individu yang telah divaksin sepenuhnya adalah salah satu langkah yang sedang dipertimbangkan untuk membenarkan mereka melakukan perjalanan dalam negara dan antarabangsa. Imuniti kelompok dijangka dicapai pada akhir tahun 2021. Secara kumulatif, sebanyak 5.68 juta dos vaksin Covid-19 telah diberikan sejauh ini, dengan 1.59 juta orang telah diberi vaksin sepenuhnya.

2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengunjurkan jumlah pelaburan diluluskan meningkat lebih tinggi pada 2021 berbanding pada tahun lepas. Pada suku kedua 2021, hampir RM100 bilion dijangka dicatatkan bagi pelaburan yang diluluskan terutamanya dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Pelaburan asing yang menggalakkan dan keberkesanan pakej rangsangan ekonomi akan menyokong pemulihan ekonomi.

3. Bermaz Auto Bhd mencatatkan peningkatan keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir 30 April 2021 kepada RM133.94 juta berbanding RM100.84 juta pada tahun kewangan 2020. Kuantiti jualan domestik yang lebih tinggi bagi tahun rujukan adalah hasil daripada peningkatan jualan pada suku kedua hingga suku keempat berikutan impak positif daripada insentif Kerajaan seperti pengecualian cukai jualan serta promosi kempen jualan.

4. Perniagaan yang tidak termasuk dalam senarai dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dan pekerja mereka boleh memohon moratorium serta diberikan kelulusan automatik, termasuk individu golongan M40 dan T20 yang terjejas pendapatan. Selain itu, Kerajaan juga akan memberikan bantuan kewangan secara bersasar kepada perniagaan dan individu yang terjejas sepanjang sekatan pergerakan penuh berikutan pelaksanaan PKP 3.0.

Maklumbalas Bahagian:

1. Sekiranya imuniti kelompok dapat dicapai, sentimen pengguna dan peniaga dijangka bertambah baik ekoran daripada sektor ekonomi yang boleh beroperasi semula. Cadangan melaksanakan pasport vaksin untuk perjalanan antarabangsa dijangka akan mendorong kepada pemulihan ekonomi terutamanya sektor pelancongan negara. Di samping itu turut merangsang rantaian sektor pelancongan iaitu sektor penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, agensi pelancongan, aset-aset warisan seni dan budaya serta pengurusan acara. Berdasarkan Tourism

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Malaysia, jumlah ketibaan pelancong asing pada tahun 2020 menyusut 83.4 peratus kepada 4.33 juta orang berbanding 26.1 juta orang yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.<br><br>2. Pelaburan yang memberangsangkan pada tahun 2021 yang diujurkan oleh MITI dijangka akan menarik pelabur yang berkualiti dalam sektor bernilai tinggi dan berteknologi tinggi khususnya dalam sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Pelaburan asing yang menggalakkan dan keberkesanan pakej rangsangan ekonomi akan menyokong pemulihan ekonomi. Melalui Pelaburan Langsung Asing (FDI) pada suku pertama tahun 2021 aliran masuk FDI mencatatkan peningkatan 34.7 peratus kepada RM9.1 bilion daripada RM6.8 bilion pada suku sebelumnya. | | |
| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bebas News**<br>18 Jun 2021<br>*(Essentials)* | **Lebih 600,000 isi rumah M40 jatuh ke B40**<br><br>Kesan daripada pandemic Covid-19 yang telah menjejaskan pendapata rakyat, lebih 600,000 isi rumah yang dahulunya dilaporkan berada dibawah golongan yang berpendapatan M40 telah jatuh ke kategori B40. Beberapa inisiatif kerajaan yang membabitkan hampir RM380 bilion telah dilaksanakan bagi menangani kesan wabak ini ke atas perniagaan, pengangguran, paras pendapatan dan golongan masyarakat yang terkesan. | https://bebasnews.my/?p=63146 |
| 2. | **Berita Harian**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19: 1.1 juta isi rumah dapat manfaat bantuan bakul makanan JKM**<br><br>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengagihkan bantuan bakul makanan kepada kira - kira 1.1 juta isi rumah di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678435/covid-19-11-juta-isi-rumah-dapat-manfaat-bantuan-bakul-makanan-jkm |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pergerakan (PKP). Bantuan ini merentasi semua daerah dan negeri, termasuk kawasan yang didakwa dipinggirkan seperti daerah Manjung, Kapit, Machang, Simpang Renggam, Port Dickson, Seremban serta Tampin. JKM mempunyai rekod senarai penerima semua bantuan yang telah diagihkan, dan akan terus memantau senarai penerima berdasarkan aduan serta rujukan. | |
| 3. | **Harian Metro**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Penternak 'terhimpit' susulan kenaikan harga makanan palet**<br><br>Penternak lembu dan kambing semakin 'terhimpit' berikutan kenaikan harga makanan ternakan di pasaran sejak akhir-akhir ini.<br><br>Kenaikan harga makanan palet yang mendadak daripada RM43 kepada RM55 seguni iaitu seberat 50 kilogram (kg) membuatkan segelintir penternak terpaksa melepaskan ternakan berkeliaran mencari makanan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718920/penternak-terhimpit-susulan-kenaikan-harga-makanan-palet |
| 4. | **Sinar Harian**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Kualiti minyak masak bungkus setanding dalam botol, bukan kitar semula**<br><br>Kualiti minyak masak olein dalam bungkusan plastik satu kilogram (kg) yang dijual di pasaran tempatan menepati kualiti ditetapkan dan bukan minyak kitar semula, kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). | https://www.sinarharian.com.my/article/145000/BERITA/Nasional/Kualiti-minyak-masak-bungkus-setanding-dalam-botol-bukan-kitar-semula |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Harga minyak masak dalam bungkusan plastik satu kg di pasaran dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), justeru harga runcit tidak boleh dinaikkan melebihi harga kawalan RM2.50 ditetapkan. | |
| 5. | **Berita Harian**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | **JKM agih 28,097 bakul makanan PERMAI di Pahang**<br><br>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang mengagihkan sebanyak 28,097 bantuan bakul makanan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) kepada ketua isi rumah (KIR) yang layak, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Program bakul makanan PERMAI bernilai RM100 setiap satu itu hanya diberikan kepada individu yang layak sahaja dan kebanyakannya diberikan kepada penerima bantuan bulanan JKM seluruh negeri ini. Bantuan yang diberikan diharapkan dapat meringankan beban golongan kurang berkemampuan meneruskan kehidupan sepanjang PKP 3.0. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/829911/jkm-agih-28097-bakul-makanan-permai-di-pahang |
| 6. | **Harian Metro**<br>20 Jun 2021<br>(*Essential*) | **MAIPk salur RM10 juta bantu golongan terkesan PKP 3.0**<br><br>Sebanyak RM 10 juta telah diperuntukkan khusus buat golongan yang kehilangan pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji, penjaja, peniaga kecil serta pekerja B40 yang terjejas sumber | https://www.kosmo.com.my/2021/06/20/maipk-salur-rm10-juta-bantu-golongan-terkesan-pkp-3-0/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pendapatan berikutan PKP 3.0. Penerima yang disasarkan adalah penerima bantuan kewangan bulanan MAIPk asnaf, fakir miskin, anak yatim dan penerima bantuan sewa rumah. Namun begitu mereka yang bukan di dalam kategori tersebut tetapi terjejas sumber pendapatan juga masih layak untuk memohon bantuan Kecemasan Kelangsungan Hidup MAIPk ini dengan syarat yang ditentukan. | |
| 7. | **Utusan Malaysia**<br>21 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PKP 3.0: Tujuh hotel di Langkawi 'bungkus'**<br><br>Industri perhotelan terutama Langkawi memasuki fasa tenat apabila terdapat hotel yang ditutup sepenuhnya ekoran mengalami kerugian sejak PKP 3.0. | https://www.utusan.com.my/premium/2021/06/pkp-3-0-tujuh-hotel-di-langkawi-bungkus/ |

Penemuan penting & isu:

1. Lebih 600,000 isi rumah golongan pendapatan M40 telah jatuh ke golongan B40 kerana kehilangan pekerjaan dan pendapatan kesan daripada wabak COVID-19.

2. JKM mengagihkan bakul makanan kepada 1.1 juta isi rumah di seluruh negara akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP). Pengagihan bakul makanan kepada isi rumah meliputi mereka yang tinggal di daerah-daerah pedalaman.

3. Kenaikan harga makanan ternakan (palet) yang mendadak daripada RM43 kepada RM55 seguni iaitu seberat 50 kilogram (kg) menyebabkan penternak terpaksa melebihkan makanan alternatif lain untuk ternakan seperti rumput minyak dan napier grass (rumput gajah). Kenaikan harga makanan ternakan itu menyebabkan harga ternakan juga meningkat dari semasa ke semasa.

| |
|---|
| 4. Pendapat yang mengatakan minyak masak dalam bungkusan plastik satu kg yang dijual dengan harga subsidi mempunyai kualiti yang lebih rendah adalah salah. Harga minyak masak dalam bungkusan plastik satu kg disubsidi dan dikawal oleh kerajaan, oleh itu harganya lebih murah berbanding harga minyak masak di dalam botol di pasaran.<br><br>5. Melalui Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), JKM Pahang mengagihkan 28,097 bakul makanan yang bernilai RM100 setiap satu kepada ketua isi rumah yang layak bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan meneruskan kehidupan sepanjang PKP 3.0.<br><br>6. Sebanyak RM 10 juta disasarkan kepada penerima bantuan kewangan bulanan MAIPk, asnaf, fakir miskin, anak yatim dan penerima bantuan sewa rumah serta golongan B40 yang terjejas sumber pendapatan berikutan PKP 3.0.<br><br>7. Sebanyak tujuh pengusaha hotel di Langkawi 'bungkus' dengan kerugian dianggarkan bernilai RM25 juta berikutan kehadiran pelancong ke pulau peranginan tersebut merosot ketika PKP 3.0. |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Kerajaan menyediakan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan kumpulan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan sebagai rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES akan datang.<br><br>2. Kesan dari kenaikan harga makanan ternakan akan memberi kesan kepada Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar terutamanya bagi subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol.<br><br>3. Subsidi ke atas minyak masak dalam bungkusan plastik adalah bagi memastikan harga kekal RM2.50 sebungkus walaupun harga minyak sawit mentah di pasaran meningkat; sekaligus dapat membantu mengurangkan beban kos pengguna dalam mendapatkan minyak masak pada harga berpatutan. Pada 2020, Malaysia mengeluarkan 19.14 juta tan minyak sawit mentah dan penggunaan minyak masak olein untuk pasaran tempatan hanya merangkumi 4.1 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit mentah negara. Hal ini akan memberi kesan kepada Indeks Harga Pengguna terutamanya subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Indeks Harga Pengeluar. |

4. Kemerosotan kehadiran pelancong di sektor perhotelan akan memberi tekanan kepada inflasi terutamanya bagi subkumpulan Perkhidmatan penginapan dan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan.

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Utusan Malaysia**<br>19 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Lelaki kekal catat kematian tertinggi COVID-19**<br><br>Malaysia mencatatkan peningkatan kematian akibat COVID-19 iaitu 72 kes berbanding semalam (18 Jun 2021) 60 kes dengan sebanyak 64,523 kes aktif.<br><br>Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu 23 kes, 15 kes di Kuala Lumpur, tujuh kes di Negeri Sembilan, enam kes di Pahang, masing-masing lima kes di Johor dan Sarawak, tiga kes di Labuan, masing-masing dua kes di Kelantan dan Pulau Pinang, serta masing-masing satu kes di Sabah, Perak, Melaka dan Kedah. | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/lelaki-kekal-catat-kematian-tertinggi-covid-19/ |
| 2. | **Sinar Harian**<br>21 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Kes COVID-19 dunia catat 3.82 juta kematian**<br><br>Sehingga kini, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di seluruh dunia ketika ini melepasi 177 juta kes. Sejumlah 300,000 kes baharu dikesan dalam tempoh 24 jam lepas. Malaysia mencatat lebih 600,000 kes manakala Thailand dan Singapura masing masing merekodkan lebih 200,000 dan lebih 62,000 kes. | https://www.sinarharian.com.my/article/144872/KHAS/Covid-19/Kes-Covid-19-dunia-catat-382-juta-kematian |

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan kes kematian pada 18 Jun 2021, seramai 46 lelaki termasuk tujuh warga asing dan 26 wanita termasuk satu warga asing berusia antara 29 hingga 90 tahun melibatkan 37 warga emas dan 18 kes tiada latar belakang penyakit. Baki 54 kes mempunyai penyakit seperti kencing manis, dislipidemia, jantung, kanser, asma, obesiti, strok, buah pinggang, paru-paru kronik dan hepatitis. Malaysia merekodkan kes sembuh COVID-19 iaitu 6,918 kes sekali gus mengatasi kes positif iaitu 5,911 kes. Tambahan lagi, sebanyak 886 kes memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) manakala 441 kes memerlukan bantuan pernafasan.

   Selangor terus menjadi penyumbang terbesar iaitu 2,111 kes diikuti Negeri Sembilan (770), Sarawak (569), Johor (498), Kuala Lumpur (483), Perak (245), Kelantan (223), Kedah (204) dan Sabah (201). Baki negeri merekodkan kes di bawah 200 iaitu Labuan (185), Pulau Pinang (167), Melaka (134), Terengganu (62), Pahang (56), Putrajaya (3) manakala Perlis, sifar kes.

2. Data terbaharu Johns Hopkins University menunjukkan Amerika Syarikat kekal negara paling teruk terjejas dengan lebih 33.5 juta kes. Ini diikuti India dengan 29.7 juta kes dan Brazil dengan lebih 17.6 juta kes. Manakala negara yang melebihi angka 5 juta kes ialah Perancis, Turki dan Rusia. United Kingdom, Itali dan Argentina pula mencatat kes melebihi 4 juta. Bagi Asia Tenggara, Indonesia mendominasi angka tertinggi kes COVID-19 dengan lebih 1.9 juta kes. Ini diikuti Filipina dengan lebih 1.3 juta.
   Angka kematian akibat COVID-19 di seluruh dunia kini melebihi 3.82 juta kes. Berdasarkan data Johns Hopkins University, Amerika Syarikat kekal merekodkan jumlah kematian tertinggi melebihi 600,000 kes. Ini diikuti Brazil dengan lebih 493,000 kes, India lebih 381,000 kes, Mexico lebih 230,000 kes. Sementara United Kingdom, Itali, Rusia dan Perancis pula merekodkan lebih 100,000 kes kematian. Negara yang merekodkan angka korban melebihi 80,000 kes termasuk Jerman dan Sepanyol. Di Asia Tenggara, Indonesia mendominasi angka kematian dengan lebih 53,000 kes korban. Filipina di tangga kedua korban tertinggi dengan lebih 23,000 diikuti Malaysia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:

   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);

- Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;

- Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan

- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya dua (2) kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br>18 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Kapasiti PPV pandu lalu OKU akan ditambah**<br><br>Seramai 40,000 ahli komuniti orang kurang upaya (OKU) di negara ini akan divaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu kendalian OKU Sentral di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dalam tempoh lima bulan akan datang.<br><br>Peningkatan pengagihan vaksinasi bagi PPV pandu lalu kendalian OKU Sentral menunjukkan komitmen berterusan kerajaan terhadap komuniti OKU terutama mereka yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/719355/kapasiti-ppv-pandu-lalu-oku-akan-ditambah |
| 2. | **Harian Metro**<br>16 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Vaksin COVID19: Utamakan golongan berisiko terlebih dahulu**<br><br>Pakar kesihatan berpandangan bahawa belum ada keperluan mendesak untuk melakukan pemvaksinan COVID-19 terhadap kanak-kanak buat masa ini.<br><br>Keutamaan vaksin adalah perlu untuk golongan mempunyai risiko lebih tinggi, sejajar dengan yang diputuskan oleh kerajaan. Selepas petugas barisan hadapan, golongan risiko tinggi yang perlu mengambil vaksin dalam fasa ini seperti orang tua dan berpenyakit serta untuk mana-mana sektor pekerjaan lain | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/719994/vaksin-covid-19-utamakan-golongan-berisiko-terlebih-dahulu |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | yang mempunyai risiko pendedahan kepada COVID-19.<br><br>Buat masa ini, untuk keselamatan anak-anak, teruskan langkah pencegahan universal yang disarankan iaitu penjarakan sosial, memakai pelitup muka dengan sebaik-baiknya dua lapis, sanitasi dan seeloknya kekal di rumah. | |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 40,000 ahli komuniti OKU di negara ini akan divaksin di PPV Pandu Lalu kendalian OKU Sentral di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam tempoh lima bulan akan datang.

2. Pakar kesihatan berpandangan bahawa belum ada keperluan mendesak untuk melakukan pemvaksinan COVID-19 terhadap kanak-kanak buat masa ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penambahan kapasiti PPV pandu lalu untuk golongan OKU menunjukkan komitmen berterusan kerajaan terhadap komuniti OKU terutama mereka yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.

2. Bagi julat umur yang lebih rendah iaitu kanak-kanak bawah 12 tahun masih belum ada dapatan kajian klinikal yang menjamin keselamatan penggunaan vaksin. Sehubungan dengan itu, ibu bapa adalah dinasihatkan memainkan peranan untuk memastikan persekitaran anak mereka sentiasa berada di dalam keadaan selamat. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah adalah masing-masing sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Peruntukan khas boleh atasi isu lambakan durian di Perak**<br><br>Peruntukan khas kepada agensi untuk membeli buah-buahan secara terus dari pekebun antara inisiatif kerajaan negeri dalam mengatasi masalah lambakan buah durian kelak | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1973291 |
| 2. | **The star**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Poultry farmers seek support from Malaysians**<br><br>Poultry farmers are pleading with the public to consume more chicken in order to save the farming industry after sales plummeted following the announcement of the national lockdown. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/18/poultry-farmers-seek-support-from-malaysians |
| 3. | **Sinar harian**<br>18 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Lambakan durian punca harga merudum**<br><br>Harga pelbagai jenis durian di Selangor merudum sejak beberapa hari lalu berikutan lambakan buah itu sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). | https://www.sinarharian.com.my/article/144937/EDISI/Lambakan-durian-punca-harga-merudum |
| 4. | **Harian Metro**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Penanam sayur di Lojing dakwa rugi besar**<br><br>Seramai 200 penanam sayur di Lojing dekat Gua Musang mendakwa menanggung kerugian harian antara RM300,000 hingga RM400,000 akibat isu lambakan sayur-sayuran disebabkan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/720383/penanam-sayur-di-lojing-dakwa-rugi-besar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kekangan pergerakan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). Malah, harga sayur-sayuran juga jatuh kerana tidak dapat dibawa keluar. | |
| 5. | **Kosmo**<br>20 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Jual durian secara online, COD**<br><br>Pekebun durian di Perak disaran supaya mencari jalan memasarkan sendiri buah durian bagi memastikan tidak berlaku lambakan dan penurunan harga mendadak komoditi tersebut. | https://www.sinarharian.com.my/article/145271/EDISI/Perak/Jual-durian-secara-online-COD |
| 6. | **The star**<br>21 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Fresh fish for the poor**<br><br>Each day, his family receives about 3,000kg of fresh sea fish for their wholesale business.<br><br>So, dermatologist Dr Ko Chun Song decided to have all of it either sold or donated every day when he discovered that many people could not afford to buy fish amid the COVID-19 pandemic. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/21/fresh-fish-for-the-poor |

Penemuan penting & isu:

1. Peruntukan khas kepada agensi untuk membeli buah-buahan secara terus dari pekebun antara inisiatif kerajaan negeri dalam mengatasi masalah lambakan buah durian. Buah-buahan yang telah dibeli itu akan dipasarkan secara kekal di beberapa kawasan seperti di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, Manjung dan Kuala Kangsar untuk memudahkan pelanggan dalam situasi menang-menang kesemua pihak terlibat.

2. *Poultry sales fell by 30% after the public was no longer allowed to dine in at restaurants. As supply of chickens far outstripped demand, prices have fallen to just RM3.80 per kilogramme, which is RM1.80 less than the cost of production.*

3. Orang ramai tidak dibenarkan keluar sesuka hati (sepanjang tempoh pelaksanaan SPP) dan peniaga pula menutup perniagaan lebih awal berbanding kebiasaan menyebabkan berlaku lambakan buah durian dan menyebabkan harga merudum sekaligus menyebabkan pendapatan peniaga merosot.

4. Sebanyak 200 tan sayur-sayuran yang tidak dapat dijual dan rosak terpaksa dilupuskan setiap hari. Oleh itu pihak pembekal memberi cadangan kepada kerajaan negeri untuk mewujudkan pusat pengumpulan sayur-sayuran dalam usaha menyelesaikan lambakan di pasaran.

5. Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh dan banyak premis yang tidak boleh beroperasi, pekebun atau pengusaha durian perlu kreatif untuk memasarkan produk mereka bagi memastikan tidak berlaku lambakan dan penurunan harga mendadak komoditi tersebut.

6. *An initiative was started in April last year where customers could buy fish for nearly half the price to be donated to the poor and underprivileged. Donations came pouring in since the first day of initiative. Some donated about RM10 worth of fish. There were also customers willing to spend RM1,000 to buy fish for the poor.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (42 jenis item termasuk beras) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih secara tahunan meliputi buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan. SUA merupakan penerbitan yang memaparkan indikator Kadar Sara Diri (SSR), Kadar Kebergantungan Import (IDR) dan Penggunaan Per Kapita (PCC). Item ternakan yang diliputi dalam SUA meliputi daging ayam/itik, telur ayam/itik, daging babi, susu, daging lembu/kerbau dan daging kambing/bebiri. Pada 2019, SSR daging ayam/itik adalah 98.2% dan PCC 50.9 kilogram/tahun.

2. Pada 2019, pengeluaran durian 377,251.0 tan metrik. Booklet Statistik Tanaman yang diterbitkan oleh DOA menjangkakan jumlah pengeluaran durian akan meningkat kepada 405,536 tan metrik pada 2020. Manakala berdasarkan penerbitan IPT 2020 (sehingga Jun 2020) purata harga durian kampung pula adalah RM12.10. Pelaksanaan PKP 3.0 ini dilihat akan memberi kesan kepada harga durian pada 2021.

3. Item perikanan yang diliputi di dalam SUA adalah Udang, Tuna, Mackerel, Ketam, Sotong dan Tilapia. Tiga daripada enam Perikanan Terpilih merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2019 iaitu Udang, Sotong dan Tilapia. SSR sotong adalah tertinggi iaitu 109.2 peratus, diikuti udang (102.9%) dan tuna (101.3%) manakala SSR mackerel terendah (84.5%).

4. Lambakan bekalan pertanian berlebihan akan menyebabkan kerugian kepada pengusaha (petani), pengguna dan negara amnya. Ia merupakan salah satu komponen dalam pengiraan SUA.

| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>**21 Jun 2021**<br>(*Non-essential*) | **Lebih 3,000 usahawan terima manfaat daripada program NCIA-SIRIM**<br><br>Lebih 3,000 usahawan dijangka menerima manfaat daripada program keusahawanan NCER-SIRIM, kerjasama antara Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan SIRIM Bhd. Program selama dua tahun ini bertujuan membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi meminimumkan kesan pandemik COVID-19 yang berterusan. Peserta program dilatih dalam kawalan kualiti, penjenamaan dan pelabelan serta pengurusan kewangan dan perancangan. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1974328 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Edge Market 20 Jun 2021** (*Non-essential*) | ***Govt announces large-scale teacher recruitment to address shortage in four states***<br><br>*The Education Ministry will implement a special one-off recruitment of 18,702 teachers to address the shortage issue in four states - Sabah, Sarawak, Selangor and Johor.*<br><br>*The application for the special recruitment of grade DG41 education service officers will be opened from July 7 to enable these teachers to be placed in their respective schools, in stages, starting October.*<br><br>*This one-off and large-scale recruitment of teachers aims to solve the shortage issue in four states, apart from ensuring the implementation of teaching and learning runs smoothly during the Covid-19 pandemic.* | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-announces-largescale-teacher-recruitment-address-shortage-four-states |
| 3. | **The Edge Market 18 Jun 2021** (*Essential*) | ***2,082 firms have registered for PIKAS vaccination — Azmin Ali***<br><br>*A total of 2,082 companies with 301,050 workers have registered for vaccination under the Public-Private Partnership COVID-19 Industry Immunisation Programme (PIKAS) as of Wednesday. From the total, 255 companies involving 14,357 workers were industry players in Johor.* | https://www.theedgemarkets.com/article/2082-firms-have-registered-pikas-vaccination-%E2%80%94-azmin-ali |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *The implementation of PIKAS today is only for the manufacturing and factory sectors, and to meet the need of the economic sector, PIKAS will proceed with the plantation and construction sectors as well as other sectors.* | |
| 4. | **The Edge Market 18 Jun 2021** (*Essential*) | ***MPIC launches pilot plan to vaccinate plantation sector workers in Selangor***<br><br>*The Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC) has launched a pilot plan to vaccinate as many as 5,000 workers in the plantation sector in Selangor to support the National Immunisation Programme (PICK) and the National Recovery Plan.*<br><br>*The participation of the industry in this programme is on a voluntary basis, in order to vaccinate workers in the agriculture and agri-commodity sector as a group. The MPIC welcomes the involvement and collaboration of the industry and associations to help the government, through the vaccination programme effectively.* | https://www.theedgemarkets.com/article/mpic-launches-pilot-plan-vaccinate-plantation-sector-workers-selangor |
| 5. | **The Edge Market 18 Jun 2021** *(Non-essential)* | ***e-Payroll to help optimise SME, entrepreneurial operations, says Tengku Zafrul***<br><br>*The adoption of the e-Payroll initiative developed by the Employees Provident Fund* | https://www.theedgemarkets.com/article/epayroll-help-optimise-sme-entrepreneurial-operations-says-tengku-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *(EPF) will help reduce operating cost and optimise human resources of the services industry managed by small and medium enterprises (SMEs) and entrepreneurs affected by the Covid-19 pandemic. Businesses were forced to adapt their businesses to online and digital business operation processes and this adoption will enable them to focus on marketing.*<br><br>*The e-Payroll facility is in line with the JENDELA initiative which supports the entire national digital infrastructure plan, where RM21 billion is allocated over five years to improve Internet connectivity, drive digitalisation and optimise Internet usage.* | |
| 6. | **The Edge Market 18 Jun 2021** (*Non-essential*) | ***Govt to review existing measures, introduce more assistance for affected groups — Tengku Zafrul***<br><br>*The Government is reviewing all existing measures and is prepared to introduce additional assistance to support the affected people and businesses in weathering the economic challenges in the coming months. Government was also taking into consideration economic sectors that would not be allowed to operate until the fourth phase, as outlined by the National Recovery Plan announced two days ago.* | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-review-existing-measures-introduce-more-assistance-affected-groups-%E2%80%94-tengku-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *Wage Subsidy Programme (PSU) was also reviewed in term of assistance, implementation and sectors that were not allowed to operate until the last phase of the National Recovery Plan.* | |

Penemuan penting & isu:

1. Lebih 3,000 usahawan kategori perusahaan mikro, kecil dan sederhana dijangka menerima manfaat daripada program keusahawanan NCER-SIRIM, kerjasama antara Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dengan SIRIM Bhd. Program selama dua tahun ini bertujuan membantu pengusaha di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) meminimumkan kesan pandemik COVID-19 yang berterusan.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia akan melaksanakan pengambilan 18,702 guru secara *one-off* bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar di Sabah, Sarawak, Selangor dan Johor. Permohonan bagi pengambilan pegawai perkhidmatan pendidikan gred DG41 akan dibuka pada 7 Julai di mana penempatan secara berperingkat bermula Oktober. Langkah ini bagi menyelesaikan isu kekurangan guru di negeri berkenaan di samping memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar sepanjang pandemik COVID-19.

3. Sejumlah 2,082 syarikat dengan 301,050 pekerja telah mendaftar bagi vaksinasi di bawah Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS). Daripada jumlah tersebut, 255 syarikat dengan melibatkan 14,357 pekerja adalah dari Johor. Pelaksanaan PIKAS adalah bagi sektor pembuatan dan perkilangan, dan bagi memenuhi keperluan sektor ekonomi, PIKAS akan diperluas kepada sektor perladangan, pembinaan dan lain-lain.

4. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah melancarkan projek rintis pemberian vaksin sebanyak 5 ribu pekerja di sektor perladangan sawit di Selangor bagi menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

5. Pelaksanaan e-Payroll yang dibangunkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan membantu mengurangkan kos operasi dan mengoptimumkan sumber manusia melibatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan usahawan dalam industri perkhidmatan yang terjejas dengan pandemik COVID-19. Kemudahan e-Payroll sejajar dengan inisiatif

JENDELA yang menyokong pelan infrastruktur digital negara dengan peruntukan RM21 bilion selama 5 tahun bagi menambahbaik liputan internet, pendigitalan dan mengoptimumkan penggunaan internet.

6. Kerajaan sedang mengkaji semula semua langkah sedia ada dan bersedia memperkenalkan bantuan tambahan bagi membantu rakyat dan perniagaan yang terjejas bagi mengharungi cabaran ekonomi pada bulan-bulan akan datang. Kerajaan juga mempertimbangkan sektor ekonomi yang tidak dibenarkan beroperasi sehingga Fasa 4 seperti digariskan dalam PPN. Program Subsidi Upah (PSU) juga dikaji semula dari segi bantuan, pelaksanaan dan sektor yang tidak dibenarkan beroperasi sehingga fasa terakhir PPN.

Maklumbalas Bahagian:

1. Petikan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021 yang diterbitkan pada 21 Mei 2021 menyatakan ketika krisis, kumpulan rentan seperti golongan yang bekerja dalam sektor ekonomi informal sama ada di sektor informal atau terlibat dalam guna tenaga informal akan terjejas dan lebih terdedah kepada kesulitan. Golongan ini merangkumi pekerja sementara tanpa perjanjian kontrak dengan majikan, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Selain itu, golongan yang baru menyertai pasaran buruh, walaupun bekerja dalam pekerjaan bergaji, turut terkesan kepada kehilangan pekerjaan dan kerugian pendapatan akibat daripada krisis ekonomi ini.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
   iii) Penganggur: 742.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus

3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:

i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

5. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:

i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).
ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).
iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

6. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

7. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)